



16 NOV, 2019

Saham BAT susut selepas failkan semakan kehakiman

Utusan Sarawak, Malaysia

Saham BAT susut selepas failkan semakan kehakiman

KUALA LUMPUR: Saham British American Tobacco (Malaysia) Bhd rendah sedikit, sehari selepas syarikat itu memfailkan semakan kehakiman terhadap Kementerian Kesihatan (KKM).

Pada 10.23 pagi, BAT susut dua sen kepada RM17.16 dengan 78,600 saham diurus niagakan.

Pada Khamis, ia mengemukakan anak syarikat milik penuhnya, Commercial Marketers and Distributors Sdn

Bhd, memfailkan permohonan untuk semakan kehakiman berhubung keputusan yang dibuat oleh kementerian itu baru-baru ini yang mengkategorikan produknya, DUNHILL HTL-Cigarillo sebagai produk rokok dan membatalkan kelulusannya untuk jualan sebagai produk tembakau bukan rokok.

“Keputusan yang tidak dijangka oleh Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan untuk mengkategorikan dan membatalkan kelulusan DUNHILL HTL-Cigarillo tanpa notis terlebih dahulu mendakwa ia adalah rokok menunjukkan parameter yang mencabar dan tidak munasabah dikenakan ke atas syarikat tembakau yang sah untuk beroperasi di negara ini,” kata Pengarah Urusan Erik Stoel dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata produk itu

telah diluluskan sebagai produk bukan rokok bukan sahaja oleh KKM untuk dijual setahun lepas, tetapi juga diluluskan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

“Membatalkannya secara sebelah pihak tanpa sebarang peluang untuk rundingan adalah bertentangan dengan sebarang jangkaan munasabah perniagaan yang sah, terutama syarikat senaraian awam seperti kami,” katanya. – BERNAMA



16 NOV, 2019

Saham BAT susut selepas failkan semakan kehakiman

Utusan Sarawak, Malaysia

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Saham British American Tobacco (Malaysia) Bhd rendah sedikit, sehari selepas syarikat itu memfailkan semakan kehakiman terhadap Kementerian Kesihatan (KKM). Pada 10.23 pagi, BAT susut dua sen kepada RM17.16 dengan 78,600 saham diurus niagakan.